

Meneladani Sejarah Umat Islam Berprinsip Islam Hadari Asas Membina Tamadun Umat Islam yang Gemilang Abad ke 21¹

Oleh:

Dr. Mohd Roslan Mohd Nor²
m_roslan@um.edu.my

Firman Allah SWT:

أَمْ لَمْ نُعَمِّرْكُم مَّا لَمْ تَسْأَلْنَا عَمْرِئَ النَّاسِ إِذْ فَعَلُوا كَذِبًا أَمْ كَانُوا لَدُنَّا عَمَلًا غَيْرًا

Maksudnya:

Bagi tiap-tiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (dari sesuatu bahaya) dengan perintah Allah. **Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri** dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapa yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkanNya itu dan tidak ada sesiapa yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadaNya. (al-Ra'd: 11).

Pendahuluan

Umat Islam pernah berada dipuncak kegemilangan ketamadunan dengan kombinasi kecemerlangan yang dicapai di Timur dan Barat. Di sebelah timur, kemajuan yang dicapai di Kufah, Baghdad dan Damsyik menjadi titik tolak ke arah melonjakkan tamadun Islam. Manakala di sebelah barat, kejayaan menguasai Sicily telah membuka mata dunia. Manakala kejayaan yang dicapai di Andalusia tidak dapat ditandingi pada waktu tersebut oleh kuasa-kuasa Eropah yang lain. Penguasaan Islam ke atas blok timur dan barat itu seakan menunjukkan kekuatan dan menjelmakan keizzahan umat Islam lampau sehingga mereka dijadikan contoh dalam pembinaan tamadun barat.

Kejayaan umat Islam tersebut tidak bertahan lama, terutama di sebelah barat. Ia mengundang rasa iri barat lalu berusaha untuk merampas kembali tanah barat dari kekuasaan Islam. Kejayaan yang dicapai telah menggamit kedatangan tentera musuh yang merancang dari awal iaitu semenjak penguasaan Islam di Andalusia. Bibit-bibit kelemahan pemerintahan kerajaan Islam dan kewujudan wilayah-wilayah kecil di Andalusia hanya menjadi asbab yang dicari bagi melegalisasikan rampasan semula oleh pihak Kristian ke atas wilayah Asbania tersebut.

Pencapaian masa lampau oleh umat Islam membanggakan dunia sehingga ke hari ini. Hampir 14 abad Islam menguasai pentas dunia. Pembangunan yang dicapai dalam aspek keilmuan, senibina, sains, teknologi dan sebagainya tidak dapat ditandingi pada

¹ Kertas ini dibentangkan dalam Seminar Tamadun Islam, di Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak pada 11 Mac 2009.

² Merupakan Pensyarah Kanan dan Pemangku Ketua, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

waktu tersebut oleh sebarang kuasa luar. Ini menunjukkan bahawa pemerintah Islam tidak pernah melupakan aspek pembangunan, malah ia adalah salah satu dari aspek penting dalam pembinaan tamadun.

Pada zaman kini, perlumbaan ketamadunan semakin sengit. Sejarah moden menyaksikan pertembungan perang dingin antara blok timur dan barat, di mana ia telah memberi kemenangan kepada blok barat. Oleh kerana blok barat mendominasi dunia, sasaran baru perlu diwujudkan oleh mereka untuk menguasai dunia. Lalu secara tidak langsung Islam dan umatnya menjadi sasaran terutama setelah peristiwa 11 September 2001 yang menjadi sejarah hitam bagi kuasa besar 'unipolar' dunia iaitu Amerika Syarikat.³ Ini ditambah apabila sekutu terkanan Amerika Syarikat iaitu Britain turut menjadi sasaran dalam peristiwa 7 Julai 2005 di mana kota London gempar dengan beberapa siri letupan *tube* (keretapi bawah tanah) dan bas.

Rentetan peristiwa hitam tersebut, umat Islam menjadi sasaran walaupun barat cuba menafikan mereka anti Islam dan menyatakan mereka hanya menentang terrorism. Sebenarnya, inilah fenomena yang sering diungkapkan oleh para sarjana iaitu *Islamophobia* (takut kepada Islam) yang bertambah meluas dalam dunia barat moden. Demikian, melalui proses globalisasi yang diwar-warkan ketika ini, barat melihat bahawa umat Islam perlu dikawal dan dikuasai sepenuhnya.⁴ Keadaan ini kerana pada pandangan mereka blok Islam mempunyai ketumbukan dan potensi besar untuk membina tamadun moden dan kembali menguasai dunia seperti yang berlaku pada abad ke 7 Masihi hingga awal abad ke 20 Masihi.

Pendekatan baru telah diambil di Malaysia, bertujuan antara lain untuk merubah persepsi negatif barat terhadap Islam. Pendekatan Islam sebagai *Din Hadari*⁵ telah diangkat sebagai wajah Islam dalam konteks semasa yang mungkin dilihat lebih *moderate* dan diperjuangkan oleh golongan pemimpin negara yang berpendidikan dan menguasai asas Islam. Pendekatan *moderate* ini dilihat amat penting untuk mengelakkan penjajahan bentuk baru Amerika Syarikat dan sekutunya yang disedari tidak mampu untuk ditangani oleh negara-negara Islam dari sudut persenjataan dan peperangan terbuka.⁶ Pun begitu, ia harus dipastikan sesuatu pendekatan itu bebas dari acuan yang dikehendaki barat demi menjaga kesucian Islam yang asli.

Oleh yang demikian, tidak hairanlah beberapa penulis barat cuba untuk menggambarkan bahawa blok Islam sebagai suatu kuasa yang tidak boleh dipandang remeh. Ada juga yang meramalkan akan berlaku pertembungan ketamadunan antara

³ Lihat Mahmood Zuhdi Ab Majid (Prof. Datuk Dr), 2006. Memahami Islam Hadhari' dalam Abdul Halim Hj Mat Diah dan Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, *Islam Hadhari dari Perspektif Intelektual Muslim*, KL: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hlm. 20 – 21.

⁴ Lihat al-Sayyid Ahmad Faraj, 2004. *al-Aulamah wa al-Islam wa al-Arab*, al-Mansurah: Dar al-Wafa'.

⁵ Muhamad Kamil Ab Majid dilihat cenderung menggunakan istilah Islam *din* Hadari yang pada pandangan beliau mungkin lebih tepat dan kurang menimbulkan kekeliruan. Ini berdasarkan beberapa siri jelajah ceramah beliau dalam menerangkan pendekatan Hadari semenjak ia diperkenalkan pada tahun 2004 kepada pelbagai agensi kerajaan di seluruh Malaysia. Lihat Muhamad Kamil Ab Majid (Prof. Madya), 2006. Memahami Pendekatan Islam (Din) Hadhari Dari Perspektif Pemikir Islam, dalam Abdul Halim Hj Mat Diah dan Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, *Islam Hadhari dari Perspektif Intelektual Muslim*, KL: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hlm. 56.

⁶ Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid dan Wan Adli Wan Ramli, 2006. Islam Hadhari Dari Perspektif Intelektual Muslim, dalam Abdul Halim Hj Mat Diah dan Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, *Islam Hadhari dari Perspektif Intelektual Muslim*, KL: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hlm. 2.

Islam dan barat.⁷ Tidak kurang juga yang cuba memberi gambaran negatif kepada Islam dengan mengaitkannya dengan agama pedang dan agama teroris. Ini semua tidak lain hanya satu helah yang ingin membendung kebangkitan baru dunia Islam dalam membina, menguasai, mewarnai dan mencorak tamadun dunia. Walaupun kini Islam kelihatan bukan lagi kuasa utama dunia, tetapi ia tetap menjadi faktor penentu kepada polisi-polisi negara kuasa besar dunia.

Menyingkap Erti Tamadun dan Makna Hadari

Bagi melihat kegemilangan Islam sepanjang sejarah peradaban dan ketamadunan ini, ada baiknya bertolak dengan melihat pengertian tamadun itu sendiri.

Ibn Manzur dalam *Lisan al-Arab* menggunakan istilah *madaniah*, *tamadun* dan *hadarah* bagi menggambarkan erti tamadun.⁸ Ibn Khaldun dalam kitabnya *Muqaddimah Ibn Khaldun* telah mengemukakan istilah *umran* dan *hadarah* bagi memberi definisi tamadun sebagai beberapa keadaan dan peristiwa biasa yang melebihi dari patut, terbit dari peristiwa-peristiwa pembangunan.⁹ Tamadun mungkin bertambah dengan bertambahnya kemajuan. Tetapi, ia masih perlu berteraskan kemanusiaan. Syed Naquib al-Attas dalam bukunya *Islam Fahaman Agama Dan Asas Akhlak* mendefinisikan tamadun sebagai keadaan kehidupan insan yang bermasyarakat yang telah mencapai taraf tatasusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakat.¹⁰

Pendapat yang diberikan oleh beberapa orang tokoh di atas dalam tulisan mereka lebih menjurus kepada pembangunan yang seimbang antara tuntutan di dunia dan juga tuntutan di akhirat. Maka agama memainkan peranan yang utama dalam membentuk sesuatu tamadun yang kuat dari sudut dalaman dan luarannya. Manakala perspektif tamadun dari kacamata sarjana barat lebih terarah kepada pembangunan berbentuk material tanpa campurtangan agama. Hal ini disebabkan fahaman sekular yang telah merebak dan meresapi pemikiran kebanyakan sarjana barat yang mengeneipkan urusan agama dalam soal-soal pembangunan dan agama sekadar amalan di gereja dan rumah ibadat sahaja.

Arnold Toynbee dalam bukunya *A Study of History* mendefinisikan tamadun sebagai sejenis kebudayaan yang berkembang di dalam kota. Beliau menambah, tamadun juga ialah satu kumpulan pemikiran dari pelbagai menifestasi, orientasi yang berterusan, satu gaya kebudayaan yang bertanggungjawab membentuk institusi politik, kesusasteraan, agama dan moral.¹¹ Darcy Riberio dalam bukunya *The Civilised Society* mendefinisikan tamadun adalah puncak pencapaian sesuatu masyarakat dalam proses kemajuan.¹² A.S Hornby dan E.C Parnwell pula dalam kamus mereka *The*

⁷ Lihat Samuel P Huntington, 1997. *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*, US: Simon & Schuster.

⁸ Jamaluddin Muhamad Bin Mukkaram Ibn Manzur, (627-710H), 1997. *Lisan al- Arab*. Beirut: Dar Ihya al- Turath, hlm. 215.

⁹ Abu Zayd 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Khaldun (Ibn Khaldun 732-808H), 1990. *Muqaddimah*. Beirut: Dar Ihya al-Turath, hlm. 49.

¹⁰ Syed Muhammad Al- Naquib Al- Attas, 1977. *Islam: Faham Agama Dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), hlm. 6.

¹¹ Toynbee A.J, 1972. *A Study Of History*. New York: Weathervanee Books, hlm. 30.

¹² Muhamad Iqbal Abideen, 2006. *Islam Hadhari: Relevan Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar, hlm. 109.

Progressive English Dictionary mendefinisikan tamadun sebagai meningkatnya pencapaian hidup manusia daripada kemunduran kepada kemajuan dalam bidang ilmu, sains, teknologi, politik, moral dan sebagainya.¹³

Menyorot kepada sejarah kegemilangan beberapa tamadun dunia pada zaman lampau, telah terdapat Tamadun Arab, Tamadun Mesir, Tamadun Barat, Tamadun Yunani, Tamadun Parsi, Tamadun Rom, Tamadun Mesopotamia, Tamadun Cina, Tamadun India, bahkan Tamadun Melayu itu sendiri telah mengalami saat-saat kegemilangannya pada suatu ketika, namun begitu, kegemilangan yang dikecapi tidak bertahan sehingga ke hari ini.¹⁴

Sesetengah sarjana menggunakan perkataan *peradaban* sebagai merujuk kepada tamadun. Ini kerana terjemahan perkataan *hadarah*¹⁵ atau *civilization* ke dalam Bahasa Indonesia telah diterjemahkan sebagai peradaban dan sivilisasi.¹⁶

Perkataan Hadari dikaitkan dengan tamadun dan pada banyak penulisan, ia dikaitkan dengan peradaban. Ini tidak menjadi suatu permasalahan besar kerana ia merujuk kepada tamadun juga.

Istilah Hadari yang dipopularkan di Malaysia, bukanlah satu istilah yang baru wujud dalam kamus Islam. Ia telah digunakan oleh ramai para sarjana sebelum ini yang merujuk kepada pembangunan tamadun itu sendiri. Dari sudut etimologi (bahasa) perkataan Hadari berasal dari perkataan Arab ‘ha-da-ra’ yang membawa maksud bertamadun, hidup di kota atau dalam pengertian yang lebih luas juga diertikan sebagai peradaban / tamadun (civilization).¹⁷

Perkataan Hadari yang diambil dari erti ketamadunan dan ketinggian peradaban kemudian dinisbahkan kepada Islam adalah bermaksud menggambarkan manifestasi ajaran Islam yang suci itu dalam perlakuan umat Islam yang tinggi hasil dari penghayatan dan pemahaman yang betul dengan konsep dan ajaran fundamental Islam.

Bagi Mohamad Abu Bakar, ‘Islam Hadhari’ sebagai satu konsep lahir berlatarbelakangkan perkembangan Islam sebagai satu budaya dan Islam sebagai satu peradaban. Beliau mengemukakan satu tanggapan menarik di mana kemunculan istilah dan gagasan ini tidak dapat dipisahkan daripada persekitaran politik dalam negeri dan antarabangsa; penguatkuasanya mengambil kira gagasan ‘Negara Islam’ yang telah diketengahkan oleh PAS dan sensitiviti bukan-Melayu terhadap pelaksanaan syariah, dan kebimbangan barat dan beberapa negara jiran khususnya terhadap gejala fundamentalisme, radikalisme dan terorisme yang dihubungkan dengan penganut Islam..... wajah Islam cuba disolekkan dengan deskripsi moderate dan progresif

¹³ Hornby A.S & Parnwell E.C, 1972. *Kamus Progresif Inggeris – Melayu*, (ter.). Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, hlm. 68.

¹⁴ 2004. *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Cet. 4, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. hlm. 7.

¹⁵ Lihat Jamil Saliba, 1978. *al-Mu'jam al-Falsafi*, Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani, hlm. 475.

¹⁶ Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, 1990. *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, Jakarta: Balai Pustaka, Cet. III, hlm. 5; lihat juga Sirajuddin Zar, 2006. Iktibar Dari Islam Hadhari di Indonesia, dalam Abdul Halim Hj Mat Diah dan Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, *Islam Hadhari dari Perspektif Intelektual Muslim*, KL: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hlm. 148.

¹⁷ Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid dan Wan Adli Wan Ramli, 2006. op. cit., hlm. 4 – 5.

supaya ia tidak diterima buruk oleh barat dan negara penyokongnya.¹⁸ Beliau mendapati pendekatan dan istilah ini “mengungkap beberapa prinsip yang memberi ruang kepada pembugaran Islam sebagai peradaban, tetapi pada masa yang sama, tanpa keazaman politik dan komitmen berterusan, ia boleh menjadi suatu ubat pelali yang menyebabkan kehidupan Islam kekal pada tahap asalnya.”¹⁹

Dalam konteks memahami penisbahan Hadari kepada Islam, ia perlu difahami dalam kerangka yang lebih luas. Ia tidak bermakna satu agama baru seperti dipertegaskan sendiri oleh Perdana Menteri selaku ketua kerajaan yang mempeloporinya.²⁰ Ini kerana sebagai Muslim sudah tentu faham bahawa Islam itu sudah lengkap dengan pernyataan jelas al-Quran yang bermaksud: “*Pada hari ini telah Ku sempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Ku cukupkan kepadamu nikmat-Ku dan telah Ku redai Islam itu jadi agama bagimu.*”

Dalam melihat kepada persoalan yang timbul ini, Muhammad Kamil menegaskan bahawa sebenarnya, sifat yang disandarkan kepada Islam adalah merujuk kepada kecenderungan (*al-naz'ah*) umat Islam dalam pendekatan dan penekanan, bukannya nas baru bagi agama atau ajaran wahyu Islam itu sendiri.²¹ Beliau menyimpulkan sedemikian sambil turut merujuk kepada ulasan mengenai bentuk-bentuk Islam yang wujud dalam sejarah Islam oleh sarjana Muslim, Abd al-Hamid Abu Sulayman, bekas Rektor ke-2 Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Beberapa Ringkasan Ketamadunan Zaman Para Anbiya'

Pada umumnya, tamadun manusia telah wujud semenjak Nabi Adam a.s dicipta oleh Allah SWT. Perkara utama yang diberikan kepada Nabi Adam adalah ilmu pengetahuan yang tidak dapat ditandingi oleh ilmu para malaikat. Ini berdasarkan firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah:

Dan Dia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Dia berfirman: Terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar. Malaikat itu menjawab: Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah Yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

(al-Baqarah: 31 – 32).

Ketika zaman Nabi Nuh a.s, masyarakat ketika itu diberi kemahiran membina kapal. Ia dimanfaatkan ketika berlaku banjir besar yang melanda sehingga menenggelamkan kaum Nabi Nuh yang ingkar terhadap perintahnya. Kemahiran pembinaan diberikan

¹⁸ Profesor Dato' Mohamad Abu Bakar, 2006. 'Islam Sebagai Budaya dan Islam Sebagai Peradaban: Di Mana dan Ke Mana?,' dalam Abdul Halim Hj Mat Diah dan Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, *Islam Hadhari dari Perspektif Intelektual Muslim*, KL: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hlm. 113.

¹⁹ Ibid, hlm. 114.

²⁰ Abdullah Haji Ahmad Badawi (Dato' Seri), “Ucapan Presiden UMNO”, Majlis Perasmian Persidangan Agung UMNO ke-55 di PWTC, Kuala Lumpur pada 23 September 2004 dan laporan-laporan akhbar pada 24 September.

²¹ Muhamad Kamil Ab Majid, 2006. op. cit., hlm. 62; lihat juga Abd al-Hamid Abu Sulayman, 1994. *'Azmah al-'Aql al-Muslim*, US: IIIT Virginia, h. 28.

kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail ketika baginda mendirikan rumah ibadat. Ini turut dirakamkan di dalam al-Quran di mana mereka membina Kaabah sebagai pusat peribadatan.

Begitu juga ketika memerhatikan kisah Nabi Sulaiman, menunjukkan betapa kelebihan ilmu telah menewaskan kuasa yang ada pada seluruh jin. Firman Allah SWT di dalam al-Quran:

Berkata pula seorang yang mempunyai ilmu pengetahuan dari Kitab Allah: Aku akan membawakannya kepadamu dalam sekelip mata! Setelah Nabi Sulaiman melihat singgahsana itu terletak di sisinya, berkatalah dia: Ini ialah dari limpah kurnia Tuhanku, untuk mengujiku adakah aku bersyukur atau aku tidak mengenangkan nikmat pemberianNya dan (sebenarnya) sesiapa yang bersyukur maka faedah syukurnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidaklah menjadi hal kepada Allah), kerana sesungguhnya Tuhanku Maha Kaya, lagi Maha Pemurah. (al-Naml: 40).

Manakala di zaman Nabi Muhammad SAW, satu ciri terpenting pembinaan tamadun manusia yang dicapai ketika itu ialah pembentukan Madinah sebagai pusat ilmu²² dan secara praktiknya adalah elemen perpaduan antara kaum yang wujud. Sejarah Islam memperlihatkan Madinah telah menjadi satu pusat yang penting dalam penyebaran ilmu ke segenap pelusuk yang boleh dicapai ketika itu. Ini termasuklah ke segenap daerah al-Jazirah, al-Sham, Iraq, Euthopia dan Mesir.

Manakala perpaduan yang wujud dapat dilihat ketikamana Nabi Muhammad SAW membuat satu perjanjian yang dikenali sebagai Piagam Madinah dalam mendirikan sebuah negara yang menjadi pelindung kepada rakyat. Piagam yang mengandungi 47 Fasal tersebut diiktiraf sebagai model bertulis yang pertama wujud dalam dunia.²³ Kandungan piagam tersebut secara ringkas adalah seperti berikut:²⁴

- a. Kaum Yahudi hendaklah hidup berdamai dengan kaum Muslimin; kedua belah pihak bebas mengamalkan ajaran masing-masing.
- b. Kaum Muslimin dan Yahudi wajib mempertahankan kota Madinah dari serangan musuh dan bekerjasama melawan sesiapa sahaja yang memerangi mereka.
- c. Perdamaian dengan pihak lain hendaklah mendapat persetujuan kedua-dua belah pihak.
- d. Sesiapa yang tinggal di luar kota Madinah akan dilindungi kecuali orang yang zalim dan bersalah.

²² Sabri Mohamad Sharif, 2008. 'Sumbangan Tamadun Islam Kepada Peradaban Dunia Barat,' dalam Muhammad Azizan Sabjan et. al, *Prosiding Seminar Antarabangsa Andalusia 1300 Tahun Menyingkap Rahsia Kegemilangan Tamadun di Barat*, Pulau Pinang: Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, hlm. 181.

²³ Lihat Muhammad Hamidullah, 1975. *The First Written Constitution in the World*, Lahore: Sh. Muhd. Ashraf.

²⁴ Abdul Rahman Abdullah, 2007. *Sejarah dan Tamadun Islam*, Kedah: Pustaka Darul Salam, hlm. 92 – 93.

- e. Sekiranya timbul perselisihan antara kaum Yahudi dan Muslim maka penyelesaiannya hendaklah dirujuk kepada Allah (al-Kitab) dan Rasul di mana Rasulullah adalah pemimpin umum penduduk Madinah.

Berdasarkan kepada sirah para anbiya' ini, dapat disimpulkan bahawa elemen ilmu merupakan dasar kepada pembinaan masyarakat yang bertamadun. Manakala perpaduan antara kaum adalah manifestasi daripada kejayaan negara Islam Madinah dalam memberi perlindungan kepada semua rakyat tidak kira agama, bangsa mahupun warna kulit. Praktik para anbiya' ini menjadi dorongan dan contoh kepada umat Islam untuk terus mencetuskan tamadun yang gemilang saat penguasaan Islam terhadap wilayah-wilayah dunia di timur dan barat.

Kegemilangan Ketamadunan Islam Sepanjang Sejarah

Aspek-aspek ketamadunan dari zaman para anbiya' diwarisi oleh umat Islam pasca kenabian – nubuwwah. Di zaman para khulafa' al-Rasyidin, kepentingan ilmu terus dibudayakan. Sehingga di zaman pemerintahan Umayyah dan Abasiyyah, di mana umat Islam berada di kemuncak pengetahuan dan mencipta sejarah ketamadunan yang tinggi. Ia berterusan sehingga zaman pemerintahan Islam berakhir selepas kejatuhan khilafah Turki Uthmaniyyah secara total pada tahun 1924M.

Umat Islam saat kegemilangan berjaya mencetuskan satu revolusi ilmu yang menjadi subjek kajian barat. Ini terutama pada zaman penguasaan Islam di barat melalui penguasaan ke atas Andalusia dan juga kecemerlangan saintis Islam di timur yang berpusat di Baghdad. Ada beberapa contoh yang relevan dengan rekacipta, kreativiti dan inovasi umat terdahulu dalam menghasilkan teori, model dan juga alatan serba canggih ketika itu. Bidang-bidang yang pernah dikuasai oleh umat Islam termasuklah Fizik, Astronomi, Kimia, Matematik, Perubatan, Geografi, Ilmu Pelayaran dan Sains. Ini ditambah dengan penguasaan mereka dalam bidang Falsafah dan Pemikiran Islam.

Tokoh yang terlibat dalam mengembangkan sains di antaranya Jabir bin Hayan al-Kufi, seorang tokoh kimia Islam yang hidup pada kurun ke 8 Masehi; Al-Khawarizmi, seorang tokoh dalam bidang Falak, Geografi dan Matematik yang hidup pada kurun ke 9 Masehi di mana beliau yang bertanggungjawab mempertemu dan mengadaptasi matematik Yunani dan India; Al-Batani (m. 929M) merupakan tokoh ilmu falak Islam; Al-Razi (m. 1023M) dan Ibn Sina (m. 1037M) adalah tokoh perubatan tersohor; al-Hasan ibn Haitham (m. 1020M) seorang ilmuwan dalam bidang Ilmu Tabi'ie; Omar Khayyam yang hidup pada kurun ke 12 Masehi terkenal dalam bidang Matematik. Penemuan ilmu oleh pakar-pakar Islam ini telah memberi kesan kepada dunia dan tersebar secara berperingkat-peringkat ke barat dan timur. Penemuan ilmu-ilmu ini merupakan dapatan baru dan tidak pernah ditemui oleh ilmuwan-ilmuan lain sebelum mereka atau sezaman dengan mereka.²⁵

Abu Ali Hasan al-Haitham yang juga dikenali sebagai Alhazen di barat, merupakan Bapa Optik Moden. Beliau merupakan pakar fizik dan perubatan yang terunggul

²⁵ Ahmad Zaki Berahim, 2008. 'Sorotan Sejarah Kecemerlangan Tamadun Islam di Andalusia (Sepanyol) dan Kedudukannya Sebagai Jambatan Kecemerlangan Tamadun Eropah,' dalam Muhammad Azizan Sabjan et. al, *Prosiding Seminar Antarabangsa Andalusia 1300 Tahun Menyingskap Raksia Kegemilangan Tamadun di Barat*, Pulau Pinang: Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, hlm. 89.

melalui sumbangan terhadap kaedah optik dan saintifik. Abu Ali Hasan dilahirkan pada 965 Masihi di Basrah dan mendapat pendidikan di Basrah dan Baghdad.

Abu Ali Hasan juga merupakan manusia pertama yang memperincikan secara tepat pelbagai bahagian mata dan memberi penjelasan saintifik mengenai proses penglihatan. Beliau menyangkal teori penglihatan Ptolemy dan Euclid yang menyebut bahawa mata menghantar sinaran visual kepada objek yang dilihat. Menurutnya, sinaran berasal dalam objek yang dilihat dan bukan dalam mata. Manakala dalam bukunya *Mizan al-Hikmah*, beliau membincangkan mengenai fizik iaitu ketumpatan atmosfera dan menghasilkan hubungan antara atmosfera dan ketinggian.²⁶

Ini lah yang menjadi kebanggaan umat Islam lampau sehingga mereka diiktiraf sebagai pencetus kepada tamadun barat moden. Kecemerlangan tamadun Islam yang terpahat dalam sejarah ini sebenarnya memerlukan pembangunan modal insan bagi memastikan kesinambungan dapat diteruskan.

Pusat-pusat pendidikan, ilmu dan kemahiran seumpama ini perlu diperbanyakkan demi melahirkan modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang bukan sahaja dari aspek kemahiran yang diperolehi, tetapi juga dari sudut akhlakunya terjaga, budi yang mencerminkan masyarakat timur diadun dengan akidah yang utuh dan syariat yang jelas.

Adalah wajar untuk ditekankan bahawa pencapaian ini menunjukkan tidak mennyisihkan pembangunan, malah ia adalah satu kriteria yang penting dalam kehidupan manusia samada pembangunan dari aspek dalaman mahupun luaran. Aspek dalaman merujuk kepada peningkatan keimanan, ketakwaan, kerohanian, amal ibadat, kesihatan diri dan sebagainya. Manakala aspek luaran, berkait dengan penampilan, ekonomi, alam sekitar, komunikasi, sistem politik yang baik dan material sekeliling yang dapat memberi sesuatu yang berfaedah kepadanya.²⁷

Apa yang cuba digarap di sini ialah gambaran bagaimana tokoh-tokoh utama muncul suatu ketika dahulu. Ringkasnya, Islam pernah melahirkan ramai ilmuan dalam pelbagai bidang seperti Ibnu Sina tokoh serba boleh, Al-Biruni tokoh pelbagai bidang, Ibnu Al-Nafis seorang pakar perubatan yang memiliki pengetahuan yang luas, Al-Buzjani pakar geometri, Ibnu Yunus pakar ilmu Astronomi, Al-Battani pakar ilmu Falak, Ibnu Bajjah seorang doktor, sasterawan dan pemuzik agong, Nasiruddin al-Tusi sarjana dan ahli politik, Al-Karkhi pakar matematik, Abbas Al-Qanas pencipta kapal terbang, Al-Khawarizmi pengasas ilmu Algebra, Ibnu Khaldun pengasas ilmu kemasyarakatan, Al-Farabi tokoh falsafah dan ramai lagi.

Tamadun Islam Pencetus Kegemilangan Tamadun Barat

Kegemilangan tamadun Islam telah membantu mewujudkan tamadun barat sehingga mereka dianggap sebagai blok paling maju dalam dunia hari ini. Sebelum berlaku proses pemindahan ilmu dari tamadun Islam ke tamadun barat, masyarakat Eropah

²⁶ Catatan ini boleh dilihat di dalam sumber-sumber dalam talian seperti Wikipedia dan lain-lain.

²⁷ Mohd Roslan Mohd Nor, 2008. *Analisa Analitikal Ke Atas Pembinaan Tamadun Malaysia Berteraskan Prinsip Rukun Negara*, Kertas Kerja pembentangan seminar Kongres Kebangsaan Tamadun Malaysia pada 23 Jan 2008, anjuran Pusat Dialog Peradaban dan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

berada pada zaman kegelapan,²⁸ mundur dalam segala aspek kehidupan dan berada pada tahap paling rendah dari sudut ilmu dan intelek.²⁹ Pemerintahan barat dikuasai oleh golongan Barbarian yang biadap dan tidak bertamadun.³⁰ Malah barat ketika itu berada dalam keadaan jahiliah.³¹ Kebanyakan sejarawan berpendapat bahawa beberapa wilayah menjadi pemangkin kepada kemasukan ilmu-ilmu Islam ke barat iaitu Andalusia, Sicily, Itali dan Constantinople. Ini kerana Islam pernah menguasai Sicily dan sebahagian Itali selama 200 tahun, dari tahun 840M hingga 1060M. Constantinople pula mula dikuasai Islam pada tahun 1096M.³² Manakala Andalusia memainkan peranan yang paling penting kerana ia banyak menyumbang kepada tamadun barat. Sebagai contoh, pada abad ke 12M, orang-orang Eropah bertumpu ke Sepanyol untuk mencari ilmu khususnya dalam bidang Matematik, Astronomi, astrologi dan perubatan kerana disitulah terletakanya gedung ilmu. Dari Sepanyol inilah ilmu-ilmu Islam telah berkembang ke Lorraine, Jerman, Eropah Tengah dan England pada akhir abad ke 13M.³³

Baitul Hikmah yang dibangunkan dengan tradisi perpustakaan dan ilmu yang amat menakjubkan menjadi kebanggaan umat. Ini ditambah apabila zaman Abbasiyyah muncul sebagai zaman yang menampilkan keunggulan tradisi sains dan matematik yang mengkagumkan dunia. Andalusia menjadi tempat rujukan ilmu dan para ilmuan tertumpu ke situ untuk menggali khazanah ini. Dalam hal ini, barat sepatutnya berasa terhutang budi dan ilmu kepada tamadun Islam.

Ramai dikalangan masyarakat barat melihat Islam di Andalusia sebagai agama yang bertamadun. Darinya lahir ilmuan terbilang dalam berbagai bidang. Karya-karya mereka diterjemahkan ke bahasa orang-orang barat iaitu bahasa Latin dan Ibrani dan ilmunya diambil untuk dijadikan sandaran dalam membangun ilmu-ilmu falsafah, astronomi, sains, perubatan, geografi, matematik, muzik dan sebagainya. Kegemilangan ilmu ini terus dimanfaatkan oleh barat sehingga mereka berjaya membina tamadun secara mandiri.

Mengapa mereka (barat) itu maju? Berdasarkan apa yang diungkapkan sejarawan seperti di atas, mereka mempunyai sikap bersungguh-sungguh suatu ketika dahulu dalam mencari ilmu. Barat tidak melihat kecemerlangan umat Islam begitu sahaja, tetapi mereka berusaha memindahkan ilmu-ilmu tersebut ke Eropah melalui pelbagai cara. Perpindahan ilmu ini berlaku kerana kegigihan orang-orang barat dalam menterjemah atau membawa pulang khazanah yang mereka perolehi daripada pakar-pakar Islam. Antara penterjemah dan ilmuan barat yang tersohor membawa pulang ilmu Islam ke Eropah ialah Adelard Bath (1090 – 1150M), Constantine Africa (1017 – 1087M), Herman Carinthia, Robert Chester (1110 – 1160M), Michael Scot (1175 – 1235M) dan Moses Farachi (m. 1285M).³⁴

²⁸ Mohd Roslan Mohd Nor, 2009. 'Sejarah Perkembangan dan Kejatuhan Pemerintahan Islam di Andalusia: Teladan dan Sempadan,' kertas kerja Seminar *Baldatum Toyiyah: Model Andalusia*, anjuran Persatuan Ulama' Malaysia dan Masjid Negeri Shah Alam, pada 24 Januari 2009, hlm. 5.

²⁹ Wan Fuad Wan Hassan, 1996. *Ringkasan Sejarah Sains: Bagaimana Sains Sampai ke Eropah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 203 – 204.

³⁰ Azam Hamzah, 1986. *Sejarah dan Tamadun Islam di Andalus*, Kuala Lumpur: Penerbitan Hizbi, hlm. 57.

³¹ Lombard. 1975. *The Golden Age of Islam*, Netherlands: North-Holland Publishing Co., hlm. 74

³² Ibid, hlm. 85.

³³ Wan Fuad Wan Hassan, 1996. op. cit., hlm. 208.

³⁴ Ibid, hlm. 205.

Keunikan dan Ciri-Ciri Unggul Tamadun

Tamadun yang unggul mempunyai asas-asas tersendiri. Sepanjang sejarah pemerintahan Islam, semenjak dari zaman Rasulullah SAW, Khalifah al-Rasyidin, Umayyah, Abasiyyah sehingga berakhirnya pemerintahan Islam di bawah kerajaan Turki Uthmaniyyah, ada beberapa ciri unik yang boleh dijadikan iktibar. Jika ditinjau dari aspek sejarah, antara ciri utama yang diberikan penekanan, pada hemat penulis adalah:

- i. Keunggulan ilmu pengetahuan. Ini tidak dapat dipisahkan jika hasrat serius membangunkan tamadun ingin dilaksanakan. Sejarah Islam menunjukkan bahawa kota-kota besar yang masyhur adalah disebabkan kegiatan keilmuan mereka yang berjalan dengan lancar.
- ii. Kestabilan dalam negara melalui hubungan antara kaum. Keharmonian kaum dan toleransi telah ditekankan semenjak zaman Rasulullah SAW, dan dipraktikkan dengan sempurna pada zaman Khalifah al-Rasyidin. Ia juga dipraktikkan ketika umat Islam menguasai wilayah-wilayah al-Sham seperti Bayt al-Maqdis berdasarkan dokumen al-Uhda al-Umariyyah yang dikeluarkan oleh Saidina Umar kepada penduduk Islam dan bukan Islam, dan juga ketika Islam menguasai wilayah di barat seperti Andalusia sebagaimana kebebasan yang diberikan kepada semua kaum Islam mahupun Yahudi oleh Abdul Rahman III.
- iii. Kestabilan pemerintahan dan pentadbiran politik. Tanpa kestabilan politik dan pemerintahan, pasti keunggulan tamadun Islam tidak akan bertahan lama dan ia akan berkubur dengan kelemahan kepimpinan. Kestabilan ini menjadi kebanggaan umat, walaupun berlaku beberapa konflik dalaman sehingga tertubuh beberapa kerajaan kecil yang memerintah wilayah-wilayah tertentu sepanjang sejarah Islam. Kewujudan kerajaan-kerajaan kecil tidak melemahkan walaupun ada jua kesan yang tidak boleh dielak seperti kewujudan kerajaan Mamluk yang memberontak daripada kekangan Ayyubid. Namun, denai itu terpaksa jua dihadapi dan hasilnya ia terus menguatkan pemerintahan Islam secara keseluruhannya sehinggalah khilafah Islamiyyah berpindah ke tangan kerajaan Turki Uthmaniyyah.
- iv. Kekuatan pertahanan sehingga berjaya menyekat negara dari diserang pihak musuh. Kekuatan pertahanan yang ada berjaya mengekalkan khilafah Islamiyyah sehingga tahun 1924M, iaitu berakhir kira-kira 85 tahun lalu. Jelas, ketika Salahuddin al-Ayyubi menawan kembali kota Bayt al-Maqdis daripada tentera salib telah membuktikan bahawa kekuatan pertahanan dan ketenteraan adalah aspek penting dalam dunia hari ini. Pada zaman moden ini, nampak agak mustahil bagi negara-negara Islam untuk menandingi barat dari segi persenjataan. Ini sebenarnya menuntut umat Islam untuk kembali menguasai ilmu-ilmu persenjataan ini di samping menguasai satu lagi aspek peperangan moden iaitu teknologi dan alam siber.

Kejatuhan Tamadun Islam

Tamadun Islam yang telah melalui zaman gemilang telah mengalami zaman kemunduran disebabkan oleh beberapa masalah yang melanda. Punca-punca dan

sebab-sebab kemunduran dan kejatuhan empayar Islam yang agung ini sehingga berlaku penjajahan ke atas wilayah-wilayah Islam seperti Palestin dan lain-lain, boleh dijadikan iktibar dan tidak diulang kembali kesilapan yang sama di masa kini dan masa depan.³⁵ Antaranya:

- i. kelemahan kepimpinan – tiada *succession plan* atau pelan peralihan kuasa. Ini berlaku kerana tiada mekanisma dalam mencari pengganti yang layak untuk meneruskan pemerintahan di mana kebanyakan mereka mewariskan kepimpinan kepada anak beranak atau ahli keluarga.
- ii. perebutan jawatan
- iii. tiada kesatuan di kalangan umat Islam. Ini dapat dilihat terutama di awal abad ke 18 – 20M di mana berlaku pergolakan di kalangan masyarakat Arab di al-Jazirah yang tidak mahu mengiktiraf kerajaan Turki Uthmaniyyah. Syarif Husain berjaya membentuk sebuah negara yang bebas dari pengaruh Turki Uthmaniyyah di al-Jazirah dan dikenali sebagai Saudi Arabia. Tetapi beliau akhirnya dibuang negeri ke Jordan, dan mengasaskan sebuah negara baru dengan sokongan British iaitu Kerajaan Bani Hashim Jordan – The Hashimite Kingdom of Jordan. Faktor yang sama juga dapat disimpulkan dengan apa yang berlaku sebelum Andalusia jatuh sepenuhnya ke tangan Kristian pada tahun 1492M. Tiada kesatuan, sehingga pemerintah Granada terakhir dari kalangan Muslim telah bekerjasama dengan pihak Kristian dalam menentang musuhnya semata-mata untuk mendapatkan kuasa, tetapi akhirnya terpaksa tunduk dan menyerahkan Granada kepada Raja Ferdinand dan Ratu Isabella sebagai kos yang terpaksa dibayar atas pertolongan yang diberikan oleh pihak Kristian.
- iv. ekonomi yang lemah.
- v. kemewahan yang melampau.
- vi. Tiada kesepakatan (*wehdatul fikri dan wehdatul amal*) dalam mentadbir wilayah yang dikuasai sehingga wujud perbezaan pemerintahan antara satu-wilayah dengan wilayah yang lain. Perbezaan fikrah yang wujud dikalangan mereka banyak membawa keruntuhan dan kurang usaha untuk bekerjasama dalam hal-hal yang disepakati.
- vii. Sunnatullah yang telah berlaku ke atas kegemilangan yang dibina oleh umat Islam. Ia terangkum dalam kitaran sejarah seperti yang digambarkan oleh Ibn Khaldun iaitu sesuatu yang berada dipuncak, apabila tiba waktunya akan runtuh disebabkan oleh faktor-faktor yang membantu keruntuhan itu.³⁶

Melestari Tamadun Malaysia Melalui Pembentukan *Mujtama' Hadari*

Bagi negara kita Malaysia, hasrat membantu mengembalikan kegemilangan tamadun Islam cuba dipugar dengan penumpuan kepada membentuk ciri-ciri masyarakat bertamadun (*mujtama' Hadari*) berteraskan agama Islam yang telah digariskan oleh

³⁵ Sebahagiannya telah disentuh oleh penulis dalam penulisan sebelum ini. Lihat Mohd Roslan Mohd Nor, 2009. op. cit., hlm. 11.

³⁶ Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim dan Norhayati Hamzah, 2007. 'Pemikiran Perpindahan Pimpinan dan Tamadun Dalam Peradaban Manusia Menurut Ibn Khaldun: Satu Analisis Penilaian,' dalam Azizan Baharuddin, et. al. (eds.), *Ibn Khaldun: Pemikiran Ibn Khaldun & Relevansinya Dalam Tamadun Kontemporari*, Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya & Jab. Pengajian Keneagaan dan Ketamadunan, UPM, hlm. 396 – 400.

kerajaan melalui perjuangan pemertabatan Islam Hadhari. Membentuk masyarakat yang bertamadun, berdaya saing dan bercirikan masyarakat maju, strategi pembentukan *mujtama' Hadari* mesti dirungkai untuk diperhalusi dan dibina kekuatan baru bagi merealisasikan cita-cita ini. Oleh kerana pendekatan Hadari adalah suatu usaha pembaharuan dalam masyarakat yang dicorakkan oleh kerajaan memerintah, sudah tentu ia menuntut kepada suatu amal bersama dalam mencapai matlamat yang digariskan. Membina masyarakat mestilah bermula dengan membina modal insan, kerana manusia itu merupakan unsur paling utama masyarakat. Mahmood Zuhdi menegaskan bahawa:

tonggak utama dalam pendekatan hadhari ialah manusia dan ummah. Ini beerti bahwa berjaya atau gagalnya sesuatu usaha pembaharuan itu perlu dilihat melalui keadaan manusia dan ummah itu sendiri sehubungan dengan usaha-usaha berkenaan. Apakah mereka telah mencapai suatu kedudukan yang lebih baik dari segi kemampuan untuk melakukan sesuatu ke arah pembinaan tamadun?³⁷

Penegasan ke atas membina manusia yang dilakukan ini sudah menjadi bahan perbincangan oleh tokoh ilmuan zaman kegemilangan Andalusia iaitu Ibn Khaldun. Beliau banyak menghuraikan manusia sebagai unsur utama peradaban.³⁸ Manusia boleh menyumbang kepada keunggulan tamadun dengan sumbangan idea-idea berkesan, kerja dan usaha yang bernilai serta harta yang ditukarkan menjadi modal. Justeru, penekanan kepada pembangunan modal insan merupakan suatu yang tidak harus dipandang ringan. Modal insan yang cemerlang akan mencorak dan membentuk minda manusia ke arah mencapai kegemilangan. Ia akan menjadi momentum, aset dan juga nilai tambah kepada negara.

Dalam usaha mencapai taraf masyarakat bertamadun atau *mujtama' hadari*, 10 prinsip digariskan oleh kerajaan memerintah sebagai panduan mencapai matlamat itu. Antara prinsip asas yang terkandung dalam agenda besar ini adalah keimanan dan ketakwaan kepada Ilahi; kemerdekaan jiwa daripada sebarang bentuk belenggu; penguasaan ilmu pengetahuan; keseimbangan pembangunan ekonomi, keutuhan akhlak serta budaya dan keampuhan sistem pertahanan. Ini terkandung di dalam 10 tonggak utama yang telah dikemukakan, iaitu:

1. Keimanan dan ketakwaan kepada Ilahi
2. kerajaan adil dan beramanah
3. Rakyat berjiwa merdeka
4. penguasaan ilmu pengetahuan
5. pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif
6. kehidupan berkualiti
7. pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita
8. keutuhan budaya dan moral
9. pemeliharaan alam semula jadi
10. kekuatan pertahanan

³⁷ Mahmood Zuhdi Ab Majid, 2006. op. cit., hlm. 29

³⁸ Lihat Ibn Khaldun, 1990. op. cit.

Jika ditinjau dari aspek sejarah kegemilangan umat Islam, 10 tonggak ini sebenarnya begitu *significant* dan penting dalam menjamin keutuhan tamadun yang dibina. Perkara ini terbukti umpamanya mengenai penguasaan ilmu pengetahuan itu tidak dapat dinafikan bahawa umat Islam memang terkehadapan dalam hal ini. Kewujudan pusat-pusat ilmu, Baitul Hikmah di Baghdad dan banyak perpustakaan di wilayah yang dikuasai Islam samada di timur atau barat membuktikan kecemerlangan itu. Di Cordoba misalnya, pada abad ke 10M terdapat 70 buah perpustakaan yang salah satunya dilaporkan mengandungi 500,000 manuskrip / kitab pelbagai bidang ilmu. Jumlah 70 perpustakaan untuk hanya sebuah bandar ini menunjukkan ia memang masyarakat yang cintakan ilmu. Sebuah negeri yang maju di Malaysia iaitu Negeri Selangor masa kini hanya mempunyai 1 perpustakaan awam di setiap daerah.³⁹ Demikian apa yang boleh diperhati dan dibuat perbandingan kini.

Kecintaan kepada ilmu dan penghasilan kitab-kitab begitu pesat. Ini dapat dilihat apabila tentera Tatar menawan kota Baghdad, dikatakan bahawa banyak kitab-kitab telah dicampak ke dalam sungai Dajlah sehingga airnya bertukar menjadi hitam kerana dipenuhi oleh kepekatan dakwat dari kitab-kitab tersebut. Ini sebagai indikator mudah dalam menilai pencapaian dalam bidang keilmuan yang telah diungguli oleh umat Islam.

Dalam hal pembelaan kumpulan minoriti dan wanita juga sebenarnya sudah lama berlaku dan sudah lama mereka dibela oleh Islam. Kedatangan Islam pada awalnya telah merubah persepsi masyarakat jahiliyah bahawa anak-anak perempuan itu tidak membawa sebarang sial dalam keluarga. Islam membebaskan wanita dari fahaman sonsang tersebut.

Dalam menggapai puncak tamadun, wanita turut berperanan sehingga mereka ini dianggap sebagai modal insan utama dalam kegemilangan tamadun Islam. Nama-nama wanita agong dalam Islam seperti Asma', Nusaibah, Aisyah dan sebagainya telah membuktikan bahawa wanita mempunyai peranan yang besar. Di Andalusia pula, wanita tidak ketinggalan dalam memartabatkan ilmu sehingga ada antara mereka yang menjadi penyalin karya-karya agung dan ada yang bertugas di gedung-gedung ilmu. Antara mereka terdapat 44 orang terlibat dalam puisi, 22 orang sebagai sasterawan, 11 orang sebagai setiausaha, 4 orang penyalin manuskrip, 3 orang sebagai pakar leksikografi, 2 orang pakar tatabahasa (nahu) dan 16 orang pakar qiraat. Selain itu, 6 orang di dalam bidang hadith, 8 orang sebagai zahid (sufi), 6 orang pakar fiqh, 4 orang dalam bidang sejarah, 4 orang dalam bidang arithmetik, seorang mengajar teologi dan seorang dalam bidang undang-undang pusaka.⁴⁰

Bagi kita, penekanan kepada 10 tonggak Hadari dilihat boleh memperkasa modal insan untuk mengembalikan kegemilangan tersebut.

³⁹ Zamri Shapik dan Rumaizi Ahmad, 2009. *Selangor Maju: Kenapa Andalusia?*. Kertas kerja Seminar Baldatun Toyiyibah: Model Andalusia, anjuran Persatuan Ulama' Malaysia dan Masjid Negeri Shah Alam, pada 24 Januari 2009, hlm. 10.

⁴⁰ Maznah Ibrahim dan Indriaty Ismail, 2008. Peranan Wanita Zaman Andalusia Dalam Pembangunan Masyarakat Sebagai Pendidik dan Pencetus Modal, dalam Muhammad Azizan Sabjan et. al, Prosiding Seminar Antarabangsa Andalusia 1300 Tahun Menyingkap Rahsia Kegemilangan Tamadun di Barat, Pulau Pinang: Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, hlm. 244 – 254. Lihat juga Izziyah Suryani Arshad et. al, 2002. 'Peranan dan Sumbangan Wanita Dalam Perkembangan Sejarah dan Tamadun Islam al-Andalus,' dalam Siti Saudah Hassan et. al. (eds), *Ketokohan Wanita Islam: Teladan dan Cabaran*, Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, FPI-UKM, hlm. 60 – 61.

Langkah Tambahan Mewujudkan Masyarakat Hadari Gemilang Abad ke-21 di Malaysia

Tanggapan terhadap pelaksanaan pendekatan Hadari di Malaysia mendapat reaksi yang positif dari kebanyakan negara dunia. Ismail Ibrahim menyatakan bahawa ramai dikalangan pembesar luar negara, Islam dan bukan Islam, merasa kagum dengan penonjolan konsep ini dan perlaksanaannya di negara kita, “kerana mereka selama ini telah dapat menyaksikan kesungguhan kita menghayati Islam di negara berbilang agama ini dengan penghayatan yang terbuka, moderat, dinamik, praktikal dan bertamadun tanpa melupakan nilai-nilai kerohanian dan moral yang menjadi teras agama kita.”⁴¹ Bagi sesetengah ahli politik di Malaysia, mereka tidak menerima konsep ini kerana beranggapan ia adalah sesuatu yang baru. Ada kemungkinan ia untuk survival mereka demi mendapat sokongan rakyat.

Jika diperhatikan kepada 10 tonggak Hadari tersebut, sebenarnya ia sudah mampu melahirkan masyarakat yang bertamadun di negara ini. Apa yang perlu ialah perlaksanaannya diperhebatkan agar ia tidak menjadi dokumen rasmi semata-mata. Asas utama pembinaan negara yang dianggap sebagai negara Islam, sudah tentulah ia mesti meletakkan aspek Tauhid dan Iman sebagai tunjang. Keimanan ini akan membuka pintu-pintu barakah untuk sesebuah negara tersebut, berdasarkan firman Allah SWT:

Sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertaqwa kepada Allah, nescaya Kami bukakan pintu-pintu keberkatan untuk mereka dari langit dan bumi. (Al-A’raf: 96).

Dalam pada itu, al-Amiri yang dipetik oleh Muhammad Kamil pernah menegaskan ada 4 tonggak utama untuk membina tamadun (*al-bina’ al-hadari*) agar ia benar-benar memberi makna kepada kehidupan insani. Penegasan tersebut merangkumi aspek:⁴²

1. Imaniyyah – akhlakiyyah
2. Keindahan aspek kesenian
3. Teknik pertukangan dan industri
4. Kekuatan ilmu pengetahuan

Sebagai tambahan, beberapa langkah sebenarnya boleh dan wajar ditekankan untuk melihat pembinaan tamadun dan masyarakat Hadari yang gemilang di negara kita. Bagi melengkapkan langkah yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan, perkara-perkara berikut boleh diambil dan dijadikan pertimbangan:

- i. Wujudkan kesatuan dikalangan umat. Umat Islam di Malaysia, kecil atau besar, tua atau muda, perlu untuk membawa agenda kesatuan sebagai misi utama kehidupan. Kita mengiktiraf perbezaan dikalangan umat, kerana Rasulullah SAW pernah menyatakan perkara tersebut. Tetapi perbezaan yang ada tidak boleh dibiarkan sehingga memecahbelahkan umat.

⁴¹ Ismail Ibrahim (Datuk Dr.), 2006. ‘Islam Hadhari dan Pembangunan Islam di Malaysia,’ dalam Abdul Halim Hj Mat Diah dan Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, *Islam Hadhari dari Perspektif Intelektual Muslim*, KL: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hlm. 35.

⁴² Umar Baha’ al-Din al-Amiri, 1968. *Al-Islam fi al-Mu’tarak al-Hadari*, Beirut, hlm. 13.

Kesatuan umat adalah penting dan sandarkan ia kepada al-Kitab dan al-Sunnah serta menghormati prinsip Rukunegara yang telah wujud semenjak tahun 1969 dan juga penghormatan terhadap perlembagaan. Tema Maulidurrasul 1430H serta tema bulan dakwah yang diperkenalkan kembali setelah hampir 30 tahun tidak dilaksanakan – Wahdah Pemangkin Khayra Ummah – mesti direnungi bersama dan dipugar usaha sedaya mungkin ke arah merealisasikan cita-cita murni tersebut. Jika ini dapat dicapai, pasti negara ini akan menuju ke satu era baru dengan semangat jatidiri Islam yang utuh untuk berjuang mengembalikan kegemilangan tamadun Islam.

- ii. Wujudkan budaya ilmu dan pemikiran kritis. Budaya ilmu yang wujud harus dijadikan contoh dalam mengembalikan kegemilangan Islam. Pastikan golongan muda tidak tercicir dalam pendidikan. Budayakan pemikiran kritis supaya modal insan yang lahir bukan sekadar pak turut tetapi mampu untuk mencetus idea-idea kudus untuk membangun negara.
- iii. Tidak menghukum berdasarkan maklumat picisan. Ini suatu perkara yang perlu dielakkan kerana ia boleh merosakkan sistem masyarakat. Perang secara fitnah-memfitnah mesti ditiadakan. Dalam hal ini, al-Quran mengingatkan kita bahawa: Fitnah itu lebih dahsyat (akibatnya) daripada membunuh. Sebarang penghakiman rakyat mestilah berasaskan bukti, bukan semata tuduhan yang ingin menjatuhkan seseorang.
- iv. Peranan politikus – politik yang sihat, bukan politik balas dendam, cantas mencantas, perkauman dan sebagainya. Masyarakat Malaysia pasti mendambakan ahli politik yang baik, jujur, ikhlas, tawadu' dan mempunyai sifat-sifat mahmudah. Jika ditinjau dalam sejarah umat Islam umpamanya di Andalusia, pernah berlaku pergolakan politik sehingga mereka memerangi sesama sendiri disebabkan oleh hasad dengki dan sebagainya. Akhirnya berlaku perpecahan dan wujud wilayah-wilayah yang ditadbir oleh kerajaan-kerajaan kecil, dan malangnya ia telah menjadi momentum ke arah kejatuhan pemerintahan Islam di sana.
- v. Penghayatan dan pengamalan undang-undang – demokrasi berparlimen dan menghormati perlembagaan yang ada. Oleh kerana negara ini menggunakan undang-undang yang seumpama Westminster iaitu secara berparlimen, demokrasi sepatutnya berjalan sepertimana di Britain juga. Sebarang tindakan perlulah berlandaskan undang-undang dan jika melanggarnya, tidak ada seorangpun yang boleh terlepas dari penghukuman (*no one is above the law*).
- vi. Peranan media dalam mewujudkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Media boleh berperanan sebagai medium penggalak kepada ilmu dan meninggikan moral manusia. Rata-rata dikalangan sarjana hari ini melihat bahawa terlalu banyak aspek hedonisme yang dibekalkan oleh media kepada umum. Hedonisme yang berlebihan sudah tentu akan merencat pembangunan tamadun malah boleh merosakkan muda-mudi yang menjadi modal insan terpenting dalam membina masa depan.
- vii. Pembangunan remaja dan belia – bimbingan ilmu, akhlak dan moral. Tenaga remaja dan belia tidak boleh disia-siakan. Masalah yang dihadapi oleh golongan ini mesti ditangani dengan serius. Golongan ini juga sering dikaitkan dengan masalah rempit atau menjadi 'dokter' tidak bertauliah. Adalah penting untuk memastikan mereka tidak terjebak dalam gejala kemaksiatan, pengkid, homoseksual, kelab malam, arak, pil, seks bebas

dan sebagainya. Pengembelian tenaga ke arah menyediakan alternatif serta aktiviti yang pelbagai perlu dijadikan agenda nasional demi melihat masa depan negara yang sihat.

- viii. Kombinasi pembangunan material dan spiritual. Pada zaman kini, pembangunan menjadi kayu ukur kepada kemajuan sesebuah negara. Negara ini tidak terlepas dari aspek pembangunan. Ia agak ketara dapat dilihat di mana sepanjang tempoh 20 tahun yang lalu, negara kita mengalami pembangunan yang boleh dikatakan pesat dengan pembinaan beberapa monumen yang gagah, moden dan boleh menandingi kemajuan yang dicapai oleh sesebuah negara maju. Aspek pembangunan ini tidak dilarang oleh agama. Tetapi pembangunan dari sudut spiritual tidak boleh dilupakan. Kegiatan-kegiatan yang bersifat ilmu mesti disokong, tidak boleh dikesampingkan. Kerosakan akhlak dan moral masyarakat tidak boleh dijadikan harga yang perlu dibayar untuk menikmati pembangunan material / fizikal. Keseimbangan pembangunan diperlukan. Malah tidak keterlaluan untuk mengatakan bahawa ketika inilah masa yang paling sesuai untuk menumpukan ke arah pembangunan modal insan disaat dunia mengalami kelembapan ekonomi yang secara tidak langsung akan menjejaskan juga aktiviti pembangunan fizikal.
- ix. Tidak terlalu mengagungkan pembangunan mega-mewah. Ini telah ditekankan oleh Ibn Khaldun yang melihat bahawa pembangunan mega-mewah ini tidak memberi manfaat yang besar kepada rakyat dan dikhuatiri akan berlaku ketirisan dalam pelaksanaan projek-projek yang dijalankan. Pembangunan seperti ini akan mengakibatkan sebahagian kecil masyarakat yang akan menikmati hasil sebenar dari usaha itu. Dalam keadaan kelemahan dan ketidakmampuan kewangan negara untuk memenuhi perbelanjaan projek mega-mewah dan projek untuk kepentingan rakyat yang lain, selalunya mendorong kepada kepimpinan memperkenalkan dasar cukai yang lebih tinggi kepada rakyat atau dasar ekonomi lain yang menekan kehidupan.⁴³ Ini dilihat akan menzalimi rakyat. Impaknya ialah pemerintahan akan menjadi kurang stabil dan boleh menjejaskan negara seterusnya hasrat untuk mencapai kemajuan tidak dapat dicapai dengan sempurna. Apapun, pembangunan tetap diperlukan kerana ia pemangkin kepada pencapaian ketamadunan yang diingini.

Penutup

Mengembalikan semula kegemilangan umat Islam bukanlah suatu perkara yang mudah dan boleh dilakukan sekelip mata. Namun ianya tidak mustahil dan boleh dilakukan kerana bilangan umat Islam di dunia ini sahaja menghampiri 2 bilion atau melebihi 1/3 penduduk dunia. Teras penting mengembalikan kecemerlangan tersebut adalah berdasarkan kerangka Tauhid. Apabila umat menghayati Tauhid, sepatutnya yang lahir adalah Wahdah, iaitu kesatuan dikalangan umat. Jika ini tercapai, penulis percaya lanskap dunia akan berubah. Islam akan kembali gemilang dan dihormati. Dalam pada itu, pendekatan yang dinamik diperlukan kerana dunia hari ini berada pada zaman globalisasi dan teknologi yang pantas berkembang.

⁴³ Ibn Khaldun, 1990. op. cit., hlm. 664. Lihat juga ulasan yang dikemukakan oleh beberapa sarjana seperti Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim dan Norhayati Hamzah, 2007. op. cit., hlm. 396 – 397.

Bagi generasi muda di negara tercinta ini, hendaklah bersedia dalam ertikata mendalami ilmu pengetahuan dalam apa jua bidang, samada teknologi yang bersifat kemahiran atau bidang-bidang yang menjadi pemangkin kepada industri dan pembangunan negara. Dalam masa yang sama, diri perlu dilengkapi dengan ilmu ukhrawi yang akan mencerminkan akhlak mulia serta ketaatan kepada Allah dan Rasul-Nya. Jangan biarkan diri dan rakan terlibat dalam kegiatan yang tidak bermoral, pergaulan bebas dan sebagainya kerana ia tidak akan membantu mencapai kemajuan malah akan merosakkan modal insan yang diingini.

Ketauhidan dan keimanan kepada Allah SWT akan menjadi pemangkin untuk melahirkan insan yang mempunyai prinsip dan mempunyai petunjuk dalam kehidupan. Orang-orang yang berilmu akan menjana ketamadunan baru dunia Islam. Allah SWT menjanjikan masa depan dunia akan diwarisi oleh orang-orang yang mempunyai ilmu – beriman dan melakukan amal soleh, berdasarkan firman-Nya:


Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Dia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: Khalifah-khalifah yang berkuasa dan Dia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhaiNya untuk mereka; dan Dia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepadaKu dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain denganKu dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka. (al-Nur: 55).

Lampiran


Sebahagian kecil peralatan ciptaan umat Islam yang telah meninggikan nilai ketamadunan sepanjang sejarah.



Model Glob dengan Lukisan Peta Khalifah al-Ma'mun. Ia dihasilkan oleh sebilangan besar ulama yang ditugaskan oleh khalifah al-Ma'mun (memerintah tahun 813-833M) untuk melakar peta dan glob tersebut.



Jam Matahari Ibn al-Muhallabi. Model ini berdasarkan jam matahari yang dibina oleh Zainaddin Abdarrahman ibn Muhammad ibn al-Muhallabi al-Miqati, seorang ahli astronomi (muwaqqit - penetap waktu) Mesir.



Jam Matahari Ibn al-Shatir. Ibn al-Shatir, Ahli Astronomi (m. 777H/1375M) mencipta jam matahari ini untuk Masjid Jamik Umayyah di Damsyik. Ia dianggap sebagai pencapaian tertinggi bagi penciptaan jam matahari. Kini, bentuk asal jam matahari ini telah pun pecah menjadi tiga kepingan. Ia disimpan di Muzium Negara Syria di Damsyik.



Jam mekanikal ini dicipta oleh Taqiyyuddin, ahli astronomi di Istanbul pada tahun 966H. Model ini dihasilkan berdasarkan bentuk dan keterangan Taqiyyuddin dalam kitabnya tentang jam.



Jenis kompas tertua yang digunakan oleh pelayar-pelayar Islam di Lautan Hindi. Ia dihasilkan berdasarkan keterangan dan huraian dalam sumber-sumber bahasa Arab dan Portugis.